

UTeM jalin kerjasama strategik bersama PTPTN

Oleh **admin** - 12 February 2025



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalin kerjasama strategik bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menerusi pemeteraian Memoradum Persefahaman (MoU), di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, baru-baru ini.

MELAKA – Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menjalin kerjasama strategik bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menerusi pemeteraian Memoradum Persefahaman (MoU), di Kampus Induk UTeM, Durian Tunggal, baru-baru ini.

MoU ini telah ditandatangani oleh Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Ts. Dr. Massila Kamalrudin dan disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif manakala PTPTN pula ditandatangani oleh Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi PTPTN, Mastura Mohd Khalid.

Jelas Massila, menerusi kerjasama ini kedua-dua pihak bersetuju untuk menggalakkan kerjasama dalam pelbagai bidang antaranya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan graduan yang berkualiti agar berupaya memenuhi keperluan industri.

“Menyampaikan informasi dan membuat promosi menerusi medium hebahan yang bersesuaian, membudayakan penabungan Simpan SSPN bagi seluruh warga UTeM melalui pelbagai program dan menjayakan penyelidikan dan membangunkan idea-idea baharu bagi meningkatkan kefahaman pelajar terhadap bayaran balik pinjaman dan kepentingan penabungan.

“UTeM turut menyambut baik inisiatif ini yang semestinya akan membantu pihak universiti memperkasa kebajikan pelajar, khususnya kemudahan pembayaran balik pinjaman PTPTN agar meringankan kewangan pelajar setelah bergraduat nanti,” ujarinya.

Katanya lagi, UTeM dan PTPTN juga akan berkolaborasi dalam memperkasakan penabungan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) bagi tujuan pendidikan tinggi.

“Jaringan strategik ini juga akan melibatkan kerjasama Alumni Universiti berhubung perkongsian data, program kerjasama CSR dan pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta lain-lain anugerah kepada kakitangan dan pelajar melalui akaun Simpan SSPN,” katanya dalam kenyataan media.

Sempena majlis ini, PTPTN turut menyampaikan sumbangan Skim Bantuan Penyelesaian Pembiayaan Pendidikan PTPTN berjumlah RM200,000.00 kepada UTeM melalui Wakalah Zakat Maybank Islamic Berhad (MIB) bagi membantu meringankan beban graduan UTeM.

Inisiatif ini bagi membantu menyelesaikan hutang pinjaman PTPTN melibatkan 10 orang graduan asnaf (fakir/ miskin) yang telah menamatkan pengajian di peringkat diploma. – MalaysiaGazette